



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG BERBAHAGIA PUAN NORMAHANI BINTI MUHAMAD**  
**AHLI MAJLIS**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SEMPENA**  
**PROGRAM MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA**  
**KAMPUNG PERMATANG PASIR**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**20 JULAI 2024 (SABTU)**  
**10.45 PAGI**

**KAMPUNG PERMATANG PASIR**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Kampung Permatang Pasir**.
2. Terlebih dahulu saya ingin juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada urusetia penganjur dan semua yang terlibat kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni dengan menjadi Bandar Raya Neutral Karbon pada tahun 2030; dan Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050. Antara fokus MBSP adalah penanaman pokok di Seberang Perai bagi menyerap karbon, menghasilkan oksigen dan mengawal penghasilan gas rumah hijau; aktiviti kitar semula; pengurusan sisa pepejal (*sustainable waste management*); penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE); penggunaan lampu jalan LED dan banyak lagi.
4. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*”.

5. Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Kampung Permatang Pasir ini adalah merupakan satu kempen untuk mewar-warkan kepada penduduk sekitar Permatang Pasir khususnya dan penduduk Seberang Perai lainnya.
6. MBSP melalui Pasukan Kerja LA21 menganjur pelbagai aktiviti pendidikan dan penglibatan komuniti bagi memupuk kesedaran dan amalan kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Dipunca Negeri Pulau Pinang 2016.
7. Kaedah pengasingan sisa dipunca bagi penduduk di kawasan kampung adalah sedikit berbeza dengan kawasan perumahan taman. Penduduk kampung perlu mengasingkan sisa kepada dua aliran iaitu sisa baki dan sisa kitar semula.
8. Sisa baki perlu dilupuskan di tong komunal yang disediakan oleh MBSP yang kebiasaannya berada di tepi jalan utama. Manakala bagi sisa kitar semula yang diasingkan penduduk kampung boleh meletakkan di pusat kitar semula berdekatan kawasan kediaman masing-masing.
9. Pada hari ini juga telah diadakan pertandingan mewarna yang melibatkan 30 orang kanak-kanak. Tema pertandingan mewarna ini ialah berkaitan kitar semula. Sijil turut disediakan kepada semua peserta. Hadiah bagi para pemenang adalah seperti berikut :-

- a. Johan - Hamper bernilai RM60
- b. Naib Johan - Hamper bernilai RM50
- c. Tempat Ketiga - Hamper bernilai RM40
- d. Lima (5) Hadiah Saguhati - Hamper bernilai RM30

10. Diharap melalui Program Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Kampung Permatang Pasir ini, mampu memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Puncu Negeri Pulau Pinang 2016 yang mana aktiviti penguatkuasaan telah bermula pada 1 Julai 2024 dan pelbagai pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.
11. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur dan urusetia atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap warga Seberang Perai akan terus menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komitmen MBSP dengan melaksanakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah kelestarian alam sekitar.
12. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara

dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.

13. Akhir kata, dengan ini, saya merasmikan **Pusat Kitar Semula Kampung Permatang Pasir** .

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***